

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	04 DECEMBER 2016

'Kita pertahan nilai keamanan, sejagat'

BH - 4/12/2016

→ PM tegaskan Malaysia bukan campur tangan tetapi pastikan masalah tidak melimpah ke negara anggota ASEAN



Saya hendak beritahu, ini bukan soal campur tangan hal ehwal dalam Myanmar tetapi ini adalah soal kita mempertahankan nilai kemanusiaan, nilai sejagat"

Najib Razak,
Presiden UMNO

↳ Kuala Lumpur

Perdana Menteri menegaskan beliau tetap menghadiri Himpunan Solidariti Ummah Untuk Rohingya bersama pimpinan PAS di Stadium Titiwangsa di sini, hari ini, dan tidak menganggapnya sebagai mencampur hal dalam negara itu seperti didakwa oleh Myanmar.

"Saya hendak beritahu, ini bukan soal campur tangan hal ehwal dalam Myanmar tetapi ini adalah soal kita mempertahankan nilai kemanusiaan, nilai sejagat.

"Saya hendak tanya perwakilan, apa patut saya buat? Insya-Allah esok (hari ini) Najib, Presiden UMNO akan hadir. Saya tidak akan berganjak seinci pun kerana bukan Najib yang hadir, tetapi mewakili 3 juta ahli UMNO.

"Lagi pun bagaimana mereka hendak kata ini urusan dalaman? Kalau tidak selesai masalah itu, mereka akan jadi pelarian ke Malaysia," kata Datuk Seri Najib Razak dalam ucapan penangguhan Perhimpunan Agung UMNO 2016, semalam.

Ketegasan beliau mendapat soko-

ngan penuh perwakilan apabila mereka bangun sambil menyebut Al-lahuakbar.

Pada sidang media kemudian, beliau berkata Malaysia tidak akan memutuskan hubungan diplomatik dengan Myanmar walaupun berpendirian tegas dalam isu penindasan dan penghapusan etnik Rohingya.

Katanya, Malaysia sudah menjelaskan kepada kerajaan Myanmar bahawa negara anggota ASEAN mendukung nilai sejagat dan hak asasi manusia seperti yang terkandung dalam piagam pertubuhan itu.

Perlu tindakan tegas segera

Beliau berkata, ketidaktentuan politik, penindasan dan penghapusan etnik di Myanmar ketika ini menuntut kepada tindakan yang tegas serta segera.

Katanya, kemelut yang melanda republik itu melangkaui soal kemanusiaan, justeru ia memerlukan tuntutan gerakan secara sejagat.

"Menerusi piagam ASEAN, betul kita tidak boleh campur tangan dalam urusan mana-mana negara. Bagaimanapun, keadaan di Myanmar

akan menjadi masalah serantau kerana melimpah kepada negara anggota," katanya.

Sementara itu, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menegaskan Perhimpunan Solidariti Rohingya hari ini bukan kerana agama semata-mata, sebaliknya soal hak asasi dan kemanusiaan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, sudah sampai masanya, rakyat Malaysia menuntut supaya ada jalan penyelesaian yang menyeluruh terhadap jenayah kemanusiaan iaitu pembersihan etnik Rohingya.

"Deklarasi yang dicapai itu akan kita angkat ke peringkat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan ASEAN," katanya dalam ucapan penangguhan di akhir Perhimpunan Agung UMNO 2016, semalam.

Ahmad Zahid berkata, Najib dan Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang akan berada di pentas yang sama bagi mengutuk keganasan itu.

→ Malaysia gesa Myanmar henti aniaya masyarakat Rohingya di Ms.22, 23, 48